

# Suspek bebas

17 JAN 2008

## Pembunuh Nurin Jazlin masih misteri

>>Oleh Hadzlihady Hassan

hadzlihady@hmetro.com.my.

**K**UALA LUMPUR: Misteri siapa pembunuh sebenar Nurin Jazlin Jazimin, 8, yang mayatnya ditemui dalam beg sukan dan ditinggalkan di hadapan sebuah pejabat di Petaling Jaya, September lalu, masih menjadi tanda tanya berikutan dua suspek yang ditahan kerana disyaki terbabit dengan kes itu, dibebaskan polis, semalam.

Kedua-dua lelaki berusia 43 dan 32 tahun itu masing-masing ditahan dalam serbuan berasingan di sekitar ibu negara.

Penahanan dua pengawal keselamatan itu mendapat liputan meluas media apatah lagi apabila seorang daripadanya dikatakan mempunyai wajah mirip lakaran fotofit yang diedarkan.

Lelaki yang dikatakan mempunyai wajah seiras suspek pembunuhan Nurin itu dibebaskan selepas siasatan polis mendapati dia tiada kaitan dengan kes.

Dia sebelum ini ditahan bagi membantu siasatan selepas polis menerima aduan kononnya dia

mempunyai wajah seiras suspek yang dikehendaki dalam kes pembunuhan Nurin.

Lelaki terbabit ditahan malam Ahad lalu di tempat kerjanya di sebuah bangunan kosong yang sebelum ini dijadikan sebuah kolej swasta.

Lima kanak-kanak yang didakwa pernah menjadi mangsa penculikan dan cabul kemudian dipanggil untuk tampil sebagai saksi.

Bagaimanapun, semua kanak-kanak terbabit gagal mengemcam bangunan kosong itu sama ada ia pernah dijadikan tempat persembunyian mereka.

Hasil siasatan awal kemudiannya mendapati lelaki terbabit adalah seorang penagih dadah dan dia dipercayai pernah disabitkan dengan satu kejadian rogol seorang kanak-kanak perempuan di Kampung Baru Mei tahun lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Kuala Lumpur, Senior Asisten Komisioner II Ku Chin Wah, berkata lelaki itu dibebaskan selepas polis berpuas hati dengan keterangan diberikan hasil siasatan yang dilakukan polis.

17/1/08 - 4m m/s. 7